

## BULETIN

## PERPUSTAKAAN

[ MENARIK DALAM ISU INI ]

- Knowledge Culture Programmes
- Paket Maklumat Penyelidikan
- UTM Researcher Profile
- Perpustakaan di Hujung Jari
- Library External Membership
- Library Roadshow

PERPUSTAKAAN UTM CEMERLANG  
DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sekalung tahniah kepada Perpustakaan UTM kerana telah berjaya meraih kejayaan besar dan penuh bermakna dalam Majlis Citra Karisma 2016 yang diadakan di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru pada 31 Mei 2016. Kali ini Perpustakaan UTM telah berjaya meraih Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Webometriks Kategori Bukan Akademik dan Anugerah Teknologi Maklumat sekaligus membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000 beserta trofi dan sijil penghargaan. Perpustakaan UTM melalui penyertaan kategori individu juga telah memenangi Anugerah Teknologi Maklumat yang diperolehi oleh Encik Mohd Fuad bin Mohamed Yusof. Penyampaian anugerah yang berprestij dan menjadi rebutan di peringkat UTM ini setiap tahun telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengurus Lembaga Pengarah UTM. Syabas dan tahniah kepada warga Perpustakaan UTM atas kejayaan yang amat membanggakan ini. Teruskan usaha, mantapkan budaya kualiti dan tingkatkan penambahbaikan berterusan, agar Perpustakaan UTM sentiasa kekal cemerlang dan gemilang pada masa-masa akan datang.

# KUNJUNGAN ALUMNI PERPUSTAKAAN UTM JALIN HUBUNGAN LAMA YANG TERPISAH

Perpustakaan UTM amat berbangga menerima lawatan dari Alumni Perpustakaan yang telah banyak menyumbang jasa kepada pembangunan Perpustakaan UTM. Mereka terdiri dari mantan Ketua Pustakawan, Cik Rosna binti Taib, mantan Ketua-Ketua Bahagian iaitu Puan Nor Azian binti Hashim, Puan Halimah binti Zanal Abiden dan Tengku Fauziah binti Tengku Othman, Pembantu Perpustakaan iaitu Puan Zainah binti Hatim dan Puan Kasminah binti Wahir.

Sesungguhnya, kedatangan mereka telah menggamit kenangan lama sewaktu bersama-sama dengan mereka sekitar tahun 2000.

Kunjungan telah disambut oleh Ketua Pustakawan, Dr. Kamariah binti Nor Mohd Desa, Timbalan Ketua Pustakawan serta Ketua-ketua Bahagian.

Ketua Pustakawan telah memberi kata aluan dan sesi ramah mesra dengan Ketua-Ketua Bahagian Perpustakaan UTM juga telah diadakan. Seterusnya mereka dibawa

untuk sesi lawatan sekitar Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) dan Bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah (PRZS) dan diakhiri dengan sesi ramah mesra dengan staf Perpustakaan.

Cik Rosna bin Taib selaku ketua rombongan, mengaku sangat terkejut melihat perkembangan Perpustakaan UTM yang sekarang telah mempunyai sebuah perpustakaan penyelidikan bertaraf dunia dengan konsep rekreasi dan moden iaitu PRZS. Ahli alumni tersebut juga sangat takjub melihat perubahan baik dari segi kemudahan dan perkhidmatan yang sangat jauh berbeza jika dibandingkan ketika di zaman tahun 1970 - 2000.

Ketua Pustakawan turut mengucapkan terimakasih kepada para Alumni yang telah sudi berkunjung menyambung silaturrahim ke Perpustakaan UTM. "Semoga dengan kunjungan dan silaturrahim ini, tali persaudaraan kita tetap terjaga dan di kemudian hari nanti kita boleh berjumpa lagi.", kata Dr. Kamariah.



## TINTA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### Budaya Kerja Cemerlang

Bersua kembali dalam keluaran isu kali ini yang memaparkan beberapa artikel dan hebatan menarik untuk tatapan semua pembaca. Perpustakaan UTM sentiasa ingin memberikan perkhidmatan dan sumbangan yang terbaik kepada para pelanggan selaras dengan misi dan visi Perpustakaan khususnya dan UTM amnya. Oleh itu pelbagai aktiviti dan program kepada pelanggan dan berbentuk kemasyarakatan telah dijalankan bagi memenuhi misi dan visi tersebut.

Dengan perancangan yang teliti serta kesepadan pembangunan modal insan kita berupaya menempuh cabaran dan rintangan persekitaran dalam melaksanakannya secara positif dan dinamik. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesungguhan warga kerja Perpustakaan UTM yang telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai ke arah mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang terbaik. Sekian untuk kali ini. Selamat membaca.

## EDITORIAL

### Patron:

Kamariah binti Nor Mohd Desa

### Editor-In-Chief:

Noraziah binti Sharuddin

### Editor:

Salina binti Shamshuri

### Editorial Team:

Zaleha binti Atan, Haslina binti Othman, Liza binti Porijo, Nik Masliza bin Zakaria, Noor Ayesha binti Mohd Ezanee, Nor Hafiza binti Daud Kaiyin, Syarifah Radhiah binti Syed Azman, Mohd Fuad bin Mohamed Yusof, Badariah binti Borham

### Circulation:

Sapuan bin Jamjuri,  
Faridah binti Patoni, Khalid bin Yusof

### Photography:

Wan Jamal bin Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is produced quarterly in print and online.

Copyright © 2016

Please let us know your views!

Telephone: +607-5530174

Email: nabilah@utm.my

Web: library.utm.my

Printed by: FxSigmaTechnology

# PAKEJ MAKLUMAT PENYELIDIKAN

<http://library.utm.my/research/>

Perpustakaan UTM menyediakan Perkhidmatan Pakej Maklumat yang merupakan platform untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu bidang atau tajuk daripada pelbagai sumber maklumat pangkalan data. Maklumat dikumpul mengikut bidang fokus ‘Research Alliance’ dan dipakej untuk memudahkan rujukan kepada para penyelidik berkaitan.

Bagi Perpustakaan UTM, maklumat ini dipakej mengikut kepada bidang perkara terpilih *Research Alliances* yang ada di UTM.

## Information Packages for Research Alliances

- Biotechnology
- Infocomm
- K-Economy
- Nanotechnology
- Sustainability

The screenshot shows the UTM Library homepage with a navigation bar at the top. Under the 'RESEARCH SUPPORT' section, there is a sub-section for 'Biotechnology'. It features a large orange button labeled 'Click on Title for Full View' with two options: 'List of Local Journals' and 'Journal Citation'. To the right, there are sections for 'E-RESOURCES' (including Online Databases, e-Journals & e-Books, UTM Institutional Repository (UTM-IRO), UTM Library Digitised Collections, Open Access Initiatives, UTM Open E-Journals, MyUtm@Portal) and 'RESEARCH' (including UTM Researcher Profile, Journal Quarterly, UTM Experts Directory (SovialExport), Research Alliances & Research Institutes, Research Support Site).

## SUPPORTING YOUR RESEARCH

### UTM Researcher Profile

<http://library.utm.my/top-utm-researcher-profile/>

Prime source for information in UTM niche areas and research fields

Menyediakan Perkhidmatan Profil Maklumat Penyelidik UTM iaitu ‘Top 20 Prominent Researcher’ untuk makluman dan rujukan kepada pengguna.

#### Personal Profiles

This screenshot shows a detailed personal profile for Ahmad Fauzi Ismail. It includes his photo, name, title (Advanced Materials Technology Research Group (AMTRG) - Department of Energy Engineering), and a large circular visualization of his research interests or publications.

#### Fingerprint

This screenshot displays a 'Fingerprint' visualization for Ahmad Fauzi Ismail, showing a cluster of small circles of varying sizes representing different topics or keywords associated with his research.

#### Similar Experts

This screenshot shows a list of '99 Similar Experts' found on Google Scholar. It includes their names, profiles, and some basic statistics like h-index and number of publications.

#### Research Output

This screenshot shows Ahmad Fauzi Ismail's profile on the UTM Experts platform. It includes his photo, name, title, and a summary of his research interests. Key metrics displayed are 8112 publications and 45 citations.

#### Network

This screenshot shows Ahmad Fauzi Ismail's network on the UTM Experts platform. It lists 99 similar experts and provides links to their profiles.

# PERPUSTAKAAN UTM DI HUJUNG JARI 24 JAM / 7 HARI




- Perpustakaan UTM terus maju dan berkembang menyumbang kepada penjanaan dan pengkayaan ilmu pengetahuan demi memenuhi keperluan UTM, masyarakat setempat dan global.
- Penggunaan optimum kemudahan teknologi maklumat untuk menyokong proses penyampaian perkhidmatan.
- Kemantapan infrastruktur dan sumber manusia menjadi faktor utama kecemerlangan.
- Budaya amalan kualiti menjadi teras perkhidmatan agar terus berada dalam landasan yang kukuh.



Perpustakaan UTM komited ke arah peningkatan penyampaian berprestasi tinggi dengan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan agar senang diakses pada bila-bila masa 24 jam sehari selama tujuh (7) hari seminggu.

Portal utama Perpustakaan UTM merupakan pusat sehenti atau ‘one stop search’ kepada keseluruhan koleksi dan sumber maklumat secara atas talian. Capaian tanpa henti 24 jam/7 hari seminggu kepada sistem utama Perpustakaan UTM meliputi Sistem Pengurusan Dokumen Perpustakaan (DMS), Sistem UTM-IR, Katalog Atas Talian (OPAC) dan pangkalan data langganan perpustakaan (Online databases) yang telah menyumbang kepada peningkatan akses bahan maklumat perpustakaan dan pengunjung maya melebihi 12 juta pada tahun 2015.

Layari portal <http://www.library.utm.my> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kandungan portal Perpustakaan UTM serta kandungan digital yang disediakan.




## LIBRARY EXTERNAL MEMBERSHIP

There are 2 categories of External Membership :

1. Reference Members :  
Individuals who are allowed for reference facilities only .
2. Borrowing Members :  
Individuals who are allowed both reference and borrowing facilities.

This membership is open to

- Staff of government and statutory bodies, lecturers from local universities, staff from the private sector and other professionals.
- Students from government sponsored higher institutions of learning.
- Students from private higher institution of learning.
- Pupils, form four and above, from government schools, with letters of confirmation from their school principals (Johor Bahru campus only).



## USAHA GALERIUM UTM PELIHARA WARISAN UNIVERSITI HARUS DIPUJI


Aset Universiti yang telah dilupus dan tersorok di antara perabot lama yang hanya menunggu masa untuk dijual semula sudah tentu kelihatan uzur, berhabuk, berkulapuk dan tidak menarik. Demikianlah keadaan dua aset bersejarah yang diperolehi oleh Unit Galerium UTM dari Stor Lopus pada 15 Mac 2016 yang lalu iaitu Meja Keris Kuasa pertama yang digunakan dalam Majlis Konvokesyen UTM pada tahun 1977-2000 dan radio lama jenama PYE Cambridge England keluaran tahun 1950-an yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di makmal bagi kursus peringkat Diploma Kejuruteraan Elektrik ketika era Maktab Teknik, Kuala Lumpur. Keadaan Meja Keris Kuasa pada asalnya bukan sahaja berhabuk setelah dibiarkan lama dalam persekitaran yang tidak 'sihat' malah terdapat bahagian meja yang rosak. Nilai sejarahnya tenggelam begitu sahaja dek kerana diabaikan tanpa penjagaan sempurna. Manakala radio lama tersebut

juga warna kayunya semakin pudar akibat perubahan suhu yang ketara serta kelihatan tidak sempurna pada beberapa bahagian. Kerja-kerja konservasi ke atas Meja Keris Kuasa berjaya diselesaikan pada 21 Mac 2016 sementara radio lama pula selesai dibaikpulih pada 13 Jun 2016.

Kini kedua-dua artifak berkenaan berwajah baru selepas melalui pelbagai proses pembaikan, pembersihan dan digilap semula bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan oleh seorang Pembantu Perpustakaan Kanan iaitu En. Khalid bin Hj. Jaafar. Pemantauan dan pembersihan secara berkala sangat penting dilaksanakan dalam jangkamasa panjang bagi mengelak sebarang kecacatan pada artifak seperti serangan serangga, kulapuk, kekotoran dan sebagainya. Hargai warisan Universiti untuk manfaat bersama.



Keadaan bersih, lebih 'segar' dan sudah tentu menjadi tarikan utama di Galeri Warisan Universiti. Terserlah keunikan ukiran yang bermotifkan flora hasil pengukir tradisional terkenal dari Kelantan iaitu En. Abdul Rahman bin Long dan En. Abdul Latiff bin Long.



Warnanya menyerlah, bahagian hadapan radio dibaiki dan ditambah baik dengan menggunakan sumber maklumat dan kreativiti.

## REHAL BUATAN TANGAN STAF PERPUSTAKAAN BERI IMPAK BESAR KEPADA GALERIUM UTM

Ketika Unit Galerium dipertanggungjawabkan untuk mengadakan pameran 'Memartabat Ilmu, Melestarikan Kecemerlangan' sempena Majlis Konvokesyen UTM ke-54 (April 2015) dan ke-56 (April 2016), salah satu cabaran utama adalah menyediakan peralatan pameran yang bersesuaian dengan tema berkaitan.

Di antara peralatan yang diperlukan bagi pameran tersebut adalah beberapa rehal kayu dengan ukiran tertentu untuk dipadankan dengan ruang pameran di Loh Hijrah, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim (BCSI).

Dengan kerjasama staf di Bilik Jilidan, Pembantu Penerbitan Kanan iaitu En. Abdul Jabar bin Ahmad yang sangat berpengalaman dalam proses kerja penjilidan telah menyumbang kemahiran serta tenaga beliau bagi menghasilkan empat unit rehal bagi menempatkan buku dan album mengenai Majlis Konvokesyen Universiti.

Rehal buatan beliau bukan sahaja digunakan ketika pameran di Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim tetapi

juga dimanfaatkan juga di ruang pameran Galerium UTM, aras 2, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Rehal tersebut digunakan bagi mempamer koleksi album dan buku bersejarah mengenai Majlis Konvokesyen UTM. Beliau telah menyumbang sesuatu yang sangat berharga untuk Galerium UTM tanpa sebarang ganjaran wang ringgit dan komitmen seperti ini sangat wajar dikongsi dan dicontohi bersama.



## LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN KE UNISZA BERI IDEA PEMBANGUNAN



Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan (FSTK), UniSZA menganjurkan ‘Pameran Catan Rumah Tradisional Terakhir Terengganu & Kelantan’ hasil karya Prof. Madya Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin.

Ketua Pustakawan UTM, Dr. Hajah Kamariah binti Nor Mohd Desa telah mengadakan lawatan ke pameran yang dianjurkan dan pada masa yang sama turut melawat Galeri Perpustakaan yang baru ditubuhkan selain turut juga melawat sekitar bangunan baru Perpustakaan UniSZA. Lawatan sebegini memberi ilham dan idea kepada pembangunan koleksi Galerium UTM untuk aktiviti pameran, promosi dan sebagainya.

Pameran solo oleh Prof. Madya Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin yang merupakan pensyarah di FSTK, UniSZA telah berlangsung mulai 25 April 2016 sehingga 15 Mei 2016 di Atrium Perpustakaan UniSZA. Seni lukis bagi 40 buah karya pelbagai jenis rumah Melayu lama yang indah dengan penggunaan cat minyak, akrilik dan cat air adalah karya seni yang telah dihasilkan oleh pelukis sejak dari tahun 1997.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif merasmikan Majlis Perasmian Penutup “Pameran Catan Rumah Tradisional Terakhir Terengganu & Kelantan” berkenaan pada 15 Mei 2016 yang berlangsung di tapak pameran.

Penubuhan Galeri Perpustakaan UniSZA cetusan ilham daripada Naib Canselor UniSZA berfungsi bukan sahaja sebagai pusat informasi dan peradaban masyarakat, tetapi juga menjadi agen perubahan dan agen kebudayaan bagi khazanah warisan. Sementara itu, Galeri Perpustakaan UniSZA merupakan sebahagian daripada bangunan lama Perpustakaan yang diubahsuai menjadi sebuah galeri. Mempunyai sebanyak 190 bahan pameran yang terdiri daripada replika Batu Bersurat Terengganu, cenderahati kepada Naib Canselor UniSZA oleh agensi-agensi dari dalam dan luar negara yang bekerjasama dengan UniSZA, sekolah, universiti serta hasil seni fotografi yang disumbangkan oleh pensyarah UniSZA.



## MINGGU MESRA MAHASISWA PELAJAR BARU BERI PENDEDAHAN MENGENAI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UTM



Minggu Mesra Mahasiswa Baharu Program Diploma UTMSPACE Public University Private Wing (PUPW) telah diadakan pada 26 hingga 28 Mei 2016. Seramai 423 orang pelajar telah mendaftar di Kolej Siswa Jaya dan Kampus UTM Kuala Lumpur. Pendaftaran ini telah memperlihatkan sebanyak 13 program yang ditawarkan bagi Diploma UTM model baharu ini, di mana lima program kejuruteraan dan

lapan program bukan kejuruteraan telah ditawarkan. Semasa Program Minggu Mesra Mahasiswa ini berlangsung, pelajar baru berkenaan telah diberi peluang untuk membuat lawatan ke Perpustakaan UTM KL. Tujuan lawatan dibuat adalah untuk memberi maklumat dan pendedahan kepada pelajar berkenaan koleksi dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan dalam menyokong sistem pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu, melalui sesi sebegini pelajar mendapat pendedahan baru mengenai pelbagai kaedah pencaraian maklumat untuk dimanfaatkan sepanjang pengajian mereka.

A ROOM WITHOUT BOOKS  
IS LIKE A BODY WITHOUT A SOUL.

MARCUS TULLIUS CICERO

# 'ROAD SHOW' STRATEGI TURUN PADANG

Road Show Perpustakaan UTM dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan perpustakaan kepada komuniti yang ada di luar daripada bangunan perpustakaan. Ia juga untuk memberikan maklumat dan pendedahan kepada pelajar dan pensyarah di UTM berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UTM serta menjadikan perpustakaan sebagai satu tempat yang boleh diakses di mana sahaja dan merupakan satu kaedah bagi mendekatkan perpustakaan dengan pengguna. Antara pengisian program adalah peminjaman dan pemulangan bahan, pendaftaran keahlian baru, semakan status bahan, pameran buku baru, penggunaan pangkalan data, impak faktor bagi jurnal dan H-Index, Turnitin, Endnote dan insetif penerbitan melalui sistem RADIS.

Sepanjang ia dilaksanakan banyak komen, penghargaan dan cadangan yang diterima. Antaranya adalah:

- *Keep it up*
- *Library is the best*
- *Roadshow library is one of a good initiative to expose the program/ event held by PSZ*
- *Terbaik – Mohon kerjasama dengan pihak PIUTMKL*
- *Nice booth and good explanation*
- *Inilah yang terbaik servis yang saya lalui dalam hidup saya. Terima kasih.*



UTM Johor Bahru		
Bil.	Tarikh	Tempat
1	20 April 2016	Cafe' Mak Jah
2	12 Mei 2016	Fakulti Alam Bina

UTM Kuala Lumpur		
Bil.	Tarikh	Tempat
1	20 April 2016	Menara Razak
2	19 Mei 2016	MJUIT
3	1 Jun 2016	OTEC Workshop

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah		
Bil.	Tarikh	Tempat
1	27 April 2016	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perdoatan
2	18 Mei 2016	Fakulti Tamadun Islam
3	2 Jun 2016	Fakulti Pengurusan

## DEMO FROM DATABASE VENDORS



Perpustakaan Sultanah Zanariah		
Bil.	Tarikh	Nama Program
1	12 April 2016	Datastream Training
2	17 Mei 2016	Kolokium Geran Universiti Penyelidikan Tier 1 dan Flagship
3	1 Jun 2016	Chemical Abstract Service - SCI - FINDER Training

# UTM LIBRARY KNOWLEDGE CULTURE PROGRAMMES

## APRIL - JUNE 2016

### “CANDID TALK SHOW: LEAN IN” DAPAT SAMBUTAN

Nama Program: “Candid Talk Show: Lean In”

Tarikh: 24 Mei 2016

Masa: 10.30 pagi

Tempat: Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru

Panel: Profesor Rose Alinda binti Alias, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA)

Moderator: Dr. Norhayati binti Ismail, Pensyarah MJIIT Kuala Lumpur

Rangkuman Berita: Program telah membincarkan mengenai buku Women in Academia and The Will to Lead oleh pengarang Syeryl Sandberg (2013). Program bual bicara berbentuk santai ini telah menarik minat ramai wanita yang ingin mendapatkan isu menarik yang diperkatakan mengenai kepimpinan seorang wanita. Program juga diselitkan dengan kata-kata motivasi penuh semangat apabila semua yang hadir berdiri bersama-sama tanda sokongan padu kepada isu yang dibentangkan.



### BICARA KARYA “THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION” BERI IDEA KEUSAHAWANAN

Nama Program: Bicara Karya “The Fourth Industrial Revolution”

Tarikh: 12 April 2016

Masa: 2.30 petang

Tempat: Dewat Senat, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru

Pengulas: Dato’ Dr. Ismail bin Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa (TNCHEMA)

Rangkuman Berita: TNCHEMA telah mengupas mengenai buku bertajuk : “The Fourth Industrial Revolution” oleh Klaus Schwab (2016). Beliau telah berkongsi ilmu mengenai era Revolusi Perindustrian Ke-4 dan bagaimana kita yang kini berada dalam era ini berperanan untuk meneruskan kelangsungan hidup bersama pelbagai teknologi termaju (advanced technology) yang bergerak sangat pantas. Sesungguhnya rakyat Malaysia juga harus bergerak pantas agar seiring dengan perkembangan dunia masa kini yang menuntut kita agar lebih proaktif, agresif dan signifikan dengan perkembangan dunia kini.

### PENDEDAHAN MENGENAI PENGURUSAN DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Nama Program: Perkongsian Ilmu Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka

Tarikh: 1 Jun 2016

Masa: 2.30 petang

Tempat: Dewan al-Ghazali, Pusat Islam UTM, Johor Bahru

Penceramah: Tuan Haji Wan Abdul Halim bin Wan Harun, Perunding Harta Pusaka & Faraid

**Rangkuman Berita:** Ilmu pembahagian harta pusaka di kalangan masyarakat belum meluas. Justeru, program ini memberi pendedahan yang amat berguna mengenai ilmu faraid, pembahagian harta pusaka dan faraid serta isu berkaitan berdasarkan buku bertajuk Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka tulisan beliau sendiri.



## MINDA LESTARI “MENTALITI JAMBAN” OLEH KHAIRUL ABDULLAH



Nama Program: Minda Lestari “Mentaliti Jamban”  
Tarikh: 8 Mei 2016 (UTM JB) & 27 Mei 2016 (UTMKL)  
Masa: 2.30 petang (UTM JB) & 10 pagi (UTMKL)  
Tempat: Dewat Senat, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru & Dewan Seminar, Menara Razak UTM Kuala Lumpur  
Panel: Encik Khairul bin Abdullah  
Moderator: Dr. Profesor Madya Ir. Dr. Fadhil bin Mohd Din, Pengarah Kampus Lestari

Rangkuman Berita: Program telah membincarkan mengenai buku bertajuk “Mentaliti Jamban” yang ditulis oleh Encik Khairul bin Abdullah sendiri. Penulis telah mengupas mengenai mentaliti masyarakat di Malaysia dan juga perbandingannya dengan sikap dan mentaliti masyarakat luar negara. Isu berkaitan pemilihan tajuk “jamban” juga dikongsi bersama yang mana melalui perkataan “jamban” itu sudah menunjukkan sejauh mana tahap pemikiran masyarakat kita yang dilihat semakin tenat dan kebanyakannya dipenuhi dengan unsur negatif.

Penulis berharap melalui medium penulisan, ia dapat menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan mentaliti masyarakat Malaysia. Komuniti UTM diharap dapat menyokong serta bersama-sama melakukan perubahan demi merealisasikan Wawasan 2020 sebagai negara maju bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga mempunyai sikap dan mentaliti kelas pertama seperti negara maju yang lain.




## AMALAN PEMAKANAN SUNNAH RASULULLAH S.A.W

Nama Program: Perkongsian Ilmu Amalan Dhuah Sunnah Rasullullah S.A.W.  
Tarikh: 14 April 2016  
Masa: 2.30 petang  
Tempat: Bilik Seminar 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru  
Penceramah: Ustaz Mahyudin Bin Md Sarip, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UTM, Johor Bahru  
Rangkuman Berita: Perkongsian ilmu mengenai rutin pengambilan makanan Rasulullah s.a.w. yang boleh dijadikan sebagai satu kaedah atau rujukan bagi memperoleh kesihatan yang ideal untuk menjalankan amanah yang diberikan. Kita harus mengambil konsep amalan pemakanan Sunnah Rasulullah s.a.w. ini agar kehidupan lebih diberkati dan dapat menjaga kesihatan yang baik sepanjang hayat.

## “A TRIAL OF ENDURANCE - TRACK TO EVEREST BASE CAMP”

Nama Program: Bicara Karya “A Trial Of Endurance Trek To Everest Base Camp”  
Tarikh: 25 April 2016  
Masa: 11.30 pagi  
Tempat: Bilik Seminar 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru  
Pengulas: Encik Sabri bin Ahmad, pegawai Hal Ehwal Korporat UTM  
Rangkuman Berita: Perkongsian pengalaman pengembalaan yang melibatkan 10 orang staf dan pelajar UTM mendaki sehingga ke Everest Base Camp yang mengambil masa 18 hari dibantu dan diiring oleh ‘Sherpa’ yang sangat prihatin kepada pendaki. Satu pengalaman yang menarik dengan pemandangan yang indah dalam satu perjalanan menuju satu matlamat mengharumkan nama UTM di pesada global.



## K-SHARING “JAPANESE STAFF WORK CULTURE”

Nama Program: K-Sharing - “Japan OJT@Japanese Staff Work Culture”  
Tarikh: 13 Mei 2016  
Masa: 11.30 pagi  
Tempat: Bilik Seminar, UTM Kuala Lumpur  
Pengulas: Encik Nasir bin Osman, Ketua Bahagian, Pejabat Pendaftar, UTM Kuala Lumpur  
Rangkuman Berita: Program perkongsian ilmu mengenai pengalaman beliau yang menjalani OJT di Universiti Ritsumeikan, Jepun selama 2 minggu bermula pada 15 sehingga 26 Februari 2016. Beliau berkongsi beberapa tips dan saranan tentang budaya kerja di Jepun termasuklah tentang ketepatan masa, bekerja sebagai satu kumpulan dan juga komitmen terhadap kerja untuk mencapai sasaran. Uniknya konsep di Jepun adalah setiap staf akan berpeluang untuk bertukar jabatan (job rotation) setiap 5 tahun.



## LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA 2016 KUALA LUMPUR

Perpustakaan UTMKL telah mengadakan lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016 di Malaysia Agro Exposition Park, Serdang (MAEP). Lawatan tersebut telah dilakukan pada 5 Mei 2016 (Khamis) dengan kerjasama Ahli Pertisas Kuala Lumpur. Seramai 20 orang staf terlibat dalam lawatan tersebut.

Lawatan selama lebih kurang 3 jam ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf dan juga komuniti UTM yang terlibat melihat sendiri pelbagai sumber bacaan yang dijual dari pelbagai penerbit yang merangkumi pelbagai kategori pembaca. Dengan adanya lawatan ini ianya dapat memupuk semangat budaya membaca di kalangan komuniti dan masyarakat Malaysia.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016 ini dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) sejak 2013 lagi setiap tahun. Ia adalah tempat yang sesuai untuk pencinta buku bagi mendapatkan buku-buku terbaru dan promosi daripada penerbit di seluruh rantau ini. Antara aktiviti lain yang dilaksanakan di sini adalah seperti pelancaran buku, seminar, konvensyen dan banyak aktiviti lain yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Sesungguhnya lawatan sebegini membuka minda peserta mengenai kepelbagaian khazanah ilmu yang dapat memberi impak positif kepada dunia ilmu sejagat.



## CERAMAH DAN PAMERAN - EARLY PREVENTION AND AWARENESS OF KIDNEY CARE AND ORGAN DONATION CAMPAIGN

Aktiviti ini merupakan mekanisme untuk warga UTM mengetahui mengenai pencegahan dan kesedaran mengenai penjagaan buah pinggang dan kempen derma organ yang dijalankan oleh National Kidney Foundation (NKF) di seluruh negara. Sesungguhnya pameran dan ceramah yang diberikan telah menggalakkan perkongsian ilmu dan sumbang saran dalam kalangan komuniti UTM.

## KEMPEN PEMBELIAN BUKU DI JUALAN BIG BAD WOLF 2016



Perpustakaan UTM KL telah mengadakan Kempen Pembelian Buku di Jualan Big Bad Wolf 2016. Tujuan kempen ini dibuat adalah bagi mendapatkan koleksi bahan untuk diletakkan di "Reading Station" sekolah-sekolah yang memohon, dengan cara ini koleksi buku akan bertambah untuk keperluan pembelajaran.

Seramai 21 individu perseorangan dan juga syarikat luar telah menyumbang dalam kempen pembelian buku ini. Pembelian buku ini dibuat pada 2 Jun 2016 antara pukul 10 pagi sehingga 4 petang. Seramai 10 orang staf telah terlibat dalam pembelian buku itu. Kutipan yang diterima adalah sebanyak RM2939.90 dan dengan jumlah kutipan tersebut perpustakaan telah berjaya membeli 33 kotak buku untuk kegunaan perpustakaan bagi program yang akan datang.

## TERIMA KASIH - PERPUSTAKAAN UTM KL TERIMA BAHAN HADIAH SUMBANGAN PROFESOR DATO' DR. GHAZALI BIN DATO' YUSOFF



Perpustakaan Menara Razak, Kuala Lumpur telah menerima sejumlah 299 buah buku sumbangan dari Profesor Dato' Dr. Ghazali bin Dato' Yusoff. Bahan-bahan tersebut merupakan koleksi peribadi perpustakaan beliau. Kesemua bahan tersebut adalah dalam bidang automotif. Profesor Dato' Dr. Ghazali bin Dato' Yusoff merupakan Chief Executive Officer (CEO), Yayasan Raja Zarith Sofiah dan merupakan Profesor Pelawat UTM. Beliau juga merupakan *Entrepreneur* dan *Executive Chairman*, Nusantara Technologies Sdn. Bhd. Semoga sumbangan buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua.

Beliau berjanji untuk memberi lebih banyak sumbangan buku dari koleksi peribadi beliau yang telah mencapai 25 ribu koleksi dari pelbagai bidang. Bahan-bahan sumbangan beliau akan ditempatkan di Perpustakaan UTM KL.



# LIBRARY ACADEMIC VISITS



Lawatan Dari Universitas PGRI Semarang Indonesia  
Pada 25 April 2016



Lawatan Pelajar Australia Ke Perpustakaan UTM  
Pada 25 April 2016



Lawatan Pelajar Program Mini  
“I Am For You”  
Ke Perpustakaan UTM  
Pada 6 April 2016



Lawatan Dari Universitas Islam  
Suska Riau, Indonesia Ke PRZS  
Pada 5 April 2016



Lawatan Dari Kolej Universiti  
Hamzanwadi Lombok Indonesia  
Pada 3 April 2016



Lawatan Pustaka Negeri Sarawak  
Ke PRZS  
Pada 30 Mac 2016



Lawatan Pelajar Library Science  
UiTM Segamat  
Pada 25 Mei 2016



Lawatan Dari Sekolah Menengah  
Pasir Putih Pasir Gudang  
Pada 29 Mei 2016



Lawatan King Mongkut’s University of  
Technology, Thailand di PRZS  
Pada 5 Mei 2016



Lawatan Guru dan Pegawai Pendidikan Daerah  
Kuantan, Pahang dan murid Sekolah Menengah  
dan Sekolah Rendah Daerah Kuantan, Pahang  
Pada 2 Jun 2016



Lawatan Dari Sekolah  
Kebangsaan Mutiara Rini  
Pada 17 Mei 2016

# PROGRAM KUALITI DI PERPUSTAKAAN

## Perpustakaan UTM Bersedia Beralih ke ISO 9001: 2015

Pendekatan kualiti melalui MS ISO 9001: 2008 sebelum ini menjadi ‘blueprint’ bagi Perpustakaan UTM melaksanakan inovasi dalam tindakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta disahkan sebagai ukuran yang ternyata benar.

Bagi tahun 2016, Perpustakaan UTM akan beralih pula kepada MS ISO versi 2015 untuk terus mengekalkan mutu perkhidmatan yang baik bagi memastikan komitmen dalam penyampaian perkhidmatan yang sentiasa bersedia menerima perubahan dan penambahbaikan dalam proses kerja dari masa ke semasa.

Sehubungan itu, Kursus Implementasi ISO 9001: 2015 Perkhidmatan Perpustakaan Perspektif Pengurusan Risiko telah diadakan di PRZS pada 4 hingga 6 April 2016 yang telah disertai oleh seramai lebih kurang 40 peserta dari Universiti Awam di Malaysia. Ini diikuti dengan Kursus Pendekatan Audit Dalam Mengikut Keperluan ISO 9001: 2015 dan Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan UTM pada 9 Mei 2016 di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru. Kedua-kedua bengkel dan kursus ini dikendalikan oleh Profesor Madya Mohd Shoki bin Md Ariff. Semoga usaha perpustakaan ke arah MS ISO 9001: 2015 menjadi kenyataan pada tahun 2016 ini.



## LATIHAN SPP VERSI BAHASA INGGERIS MANTAPKAN PENGUASAAN PENYAMPAIAN

Latihan Standard People Practice (SPP) dalam versi Bahasa Inggeris telah diadakan secara berkala di Perpustakaan UTM. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada amalan perlakuan dan komunikasi yang seragam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan ke tahap yang lebih baik. Taklimat dan aktiviti simulasi telah menjadikan latihan ini lebih menarik. Semoga latihan ini memberi idea kreatif dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan perpustakaan.



Perpustakaan UTM sekali lagi mengorak langkah dengan mengadakan aktiviti khidmat masyarakat bersama dengan penghuni Rumah Kebajikan Anak Yatim, Pontian, Johor pada 21 Mei 2016 (Sabtu) dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Beberapa aktiviti telah dirangka sepanjang program tersebut dan antaranya ialah menyusun buku sumbangan, gotong royong dan mengecat bilik belajar, tayangan filem ‘The Good Dinosour’ serta kuiz, acara memotong kek hari lahir, pertandingan mewarna, pertandingan ‘indoor games’, perasmian blog Pertubuhan Anak Yatim Islam, Pontian dan penyampaian hadiah.

Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan sedikit sebanyak ia memberi manfaat kepada seluruh penghuni rumah anak yatim berkenaan untuk bersama-sama menjayakannya.

## CURAH BAKTI DI PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM ISLAM, PONTIAN

